



20 tahun uji kesabaran pembeli

KAMPUNG IDAMAN - Sejak dua puluh tahun lalu, penduduk di Taman Sri Aman dekat sini sabar menantikan jawapan janji pemaju bagi menyiapkan rumah mereka yang terbengkalai.

Lebih memeritkan, pelbagai usaha telah diadakan termasuk perbincangan dengan kementerian, Pejabat Ketua Setiausaha Negara dan Kerajaan Negeri namun sehingga kini masih belum menampakkan sebarang tanda penyelesaian.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak, G Varatharajan berkata, perumahan itu mempunyai 63 unit rumah di mana 18 daripadanya telah didiami penduduk walaupun

mereka terpaksa menanggung risiko akibat persekitaran yang tidak selamat.

Menurutnya, rumah terbengkalai itu menyebabkan mereka sehingga kini terpaksa menanggung kerugian kerana tiada usaha untuk memulihkan kembali projek berkenaan.

"Pembeli ditipu dan terpaksa membayar faedah bank walaupun projek ini tergendala serta tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki (CF).

"Saya dan penduduk yang lain terpaksa mengambil inisiatif sendiri membersihkan, menjaga dan membaiki rumah yang didiami ini kerana kami tidak mempunyai pilihan lain lagi," katanya.

Varatharajan berkata, penduduk mula mendiami kawasan itu sejak 2001 walaupun dalam keadaan yang tidak selamat kerana ia tidak terurus disebabkan ketiadaan CF serta kemudahan asas yang lain.

Katanya, pemaju sering seolah-olah melarikan diri daripada pembeli dengan membiarkan rumah yang ada itu terbiar sehingga menyebabkan penduduk terpaksa menanggung kerugian akibat sikap tidak bertanggungjawab mereka (pemaju).

"Kami berharap masalah ini mendapat perhatian pihak berkenaan kerana apa yang berlaku begitu menyusahkan penduduk," katanya.



■ Laluan masuk ke Taman Sri Aman kini menjadi tempat pembuangan sampah haram pihak tidak bertanggungjawab.

Sarang penagih, lokasi sampah haram

Keadaan perumahan di sini yang tidak siap sepenuhnya menjadikan ia lokasi tumpuan penagih dadah sekitar kawasan ini sebagai 'port' melepaskan gien mereka.

Seorang penduduk, N Nallam, 66, berkata, hampir setiap petang kawasan ini akan dikunjungi kumpulan penagih dan keadaan ini menyebabkan penduduk hidup dalam kebimbangan.

Menurutnya, selain daripada itu, kawasan kediaman mereka juga menjadi tempat

pembuangan sampah haram pihak yang tidak bertanggungjawab sejak sekian lama.

"Selain menanggung kerugian dan terpaksa tinggal dalam keadaan berisiko, penduduk sentiasa hidup dalam kebimbangan ekoran keadaan yang berlaku.

"Malah masalah ini belum menampakkan penyelesaian kerana beberapa faktor melibatkan perundangan dan peraturan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) belum diselesaikan sepenuhnya," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK), Irwan Ismail berkata, pihak Majlis setakat ini menyediakan perkhidmatan atas dasar prihatin berikutan kawasan perumahan berkenaan tidak mempunyai kelulusan CF.

Menurutnya, pihaknya akan merujuk masalah ini dalam Mesyuarat Bulanan MPK dan **Pengerusi Jawatankuasa** Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Abdul Samad untuk tindakan selanjutnya.



■ Varatharajan (tengah) menunjukkan memorandum yang dihantar kepada pihak berkuasa berhubung rumah yang terbengkalai di Taman Sri Aman.